

06/08/1998

PM mahu rakyat tingkatkan minat membaca

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usaha lebih giat dan serius dilaksanakan bagi meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Malaysia boleh berbangga dengan kadar celik huruf yang tinggi iaitu 93 peratus, kajian menunjukkan purata rakyat hanya membaca dua buku setahun.

"Ini bererti tabiat membaca di kalangan masyarakat Malaysia masih pada tahap yang rendah.

"Oleh itu, usaha lebih giat dan serius untuk menanam sikap membaca perlu dijalankan," katanya dalam perutusan menerusi buku cenderamata sempena pelancaran Kempen Derma Buku di stesen minyak Petronas, Taman Sri Hartamas, di sini hari ini.

Perdana Menteri berharap, pelancaran kempen itu dapat menambah koleksi buku-buku dan bahan bacaan berguna yang diperlukan masyarakat luar bandar, kawasan pedalaman dan rumah kebajikan.

"Justeru, saya menyeru semua pihak supaya tampil untuk menyumbang dan menderma buku sebagai satu usaha murni dalam memenuhi tanggungjawab sosial," katanya.

Dr Mahathir memulakan program kutipan buku selama dua bulan itu dengan menderma 12 buku yang diletakkan dalam kotak pungutan khas.

Buku yang disumbangkan oleh Perdana Menteri ialah Aqidah Islam (Sayid Sabiq), Asia and Japan (Andrew JL Armour), Islam : Source and Purpose of Knowledge, Islam and The Economic Challenge (M Umer Chapra), The Philosophy of Dynamic Children (Tom Valliette Sr), Mastering Modern English Usage (Milon Nandy), The Right World & Pronunciation for Perfect English (Milon Nandy), A Safe Area (David Rohde), Come To Grief (Dick Francis), Gone With The Wind (Alexandra Ripley), An Unsuitable Job for a Woman (P.D. James) dan McNally's Luck (Lawrence Sanders).

Turut memberikan sumbangan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menteri-menteri Kabinet.

Melalui kempen itu, orang ramai boleh meninggalkan buku baru atau terpakai di mana-mana stesen servis Petronas atau pejabat Pos Malaysia di seluruh negara.

Kempen yang akan berakhir pada 30 September ini, dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Petronas, Pos Malaysia, Perpustakaan Negara dan Radio Dan Televisyen Malaysia dan Astro.

(END)